



## KENYATAAN MEDIA

### UNTUK SIARAN SEGERA

#### PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2023 PDRM TERIMA INSENTIF DALAM BENTUK AKAUN SIMPAN SSPN PRIME

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana memilih Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) sebagai insentif bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).
2. Majlis penyampaian APC telah diadakan di Dewan Mess Pegawai Kanan Polis, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman Kuala Lumpur pada 7 Mac 2024 yang disempurnakan oleh YDH IG Tan Sri Razarudin bin Husain, Ketua Polis Negara. Turut hadir YDH DIG Dato' Seri Ayob Khan bin Mydhin Pitchay, Timbalan Ketua Polis Negara dan YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN. Seramai 10,413 penerima APC PDRM Tahun 2023 telah menerima insentif dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime berjumlah RM1,000 setiap seorang dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM10,413,000
3. Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, "Simpan SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada masyarakat Malaysia seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, dividen yang kompetitif, Geran Sepadan sehingga RM10,000 bagi satu keluarga yang layak, patuh syariah dan simpanan dijamin Kerajaan."
4. "PTPTN merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima APC Tahun 2023 PDRM dan menyeru kepada kementerian serta agensi lain untuk turut sama menjadikan akaun Simpan SSPN sebagai insentif untuk penerima APC kerana pelbagai manfaat boleh dinikmati oleh penerima APC sebagai pendeposit Simpan SSPN," ujar beliau lagi.
5. Pembukaan akaun Simpan SSPN atau penambahan simpanan boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi myPTPTN dengan lebih mudah, cepat dan selamat. Layari portal rasmi PTPTN di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) untuk maklumat lanjut.